

KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT PENGEBILAN-AUTO

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Pengebilan-Auto” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Januari 2021** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Mac 2021** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB baharu (“**Pemegang Kad Prinsipal NTC**”) yang sepanjang Tempoh Kempen telah memohon sekurang-kurangnya satu (1) Kad Layak seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah ini melalui saluran-saluran berikut:
 - (i) Cawangan HLB; atau
 - (ii) Jualan Langsung HLB; atau
 - (iii) Perbankan dalam Talian HLB Connect; atau
 - (iv) Laman Web Korporat HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”).

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor’s Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirate Platinum
Sutera Platinum	The Store Gold/Platinum
WISE Gold	Pacific Gold/Platinum
Essential Gold	I’m

2. Pemegang Kad Prinsipal NTC bermaksud pemegang kad baharu yang tidak memegang apa-apa Kad Kredit HLB sedia ada (termasuk Mach) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada Fasal 3 di bawah.
3. Golongan berikut ini **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Prinsipal NTC dan tidak **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang Kad Prinsipal sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
 - (ii) Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB miliknya tertunggak;
 - (iii) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;

- (iv) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (v) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.

4. Bagi tujuan Kempen ini:

- (i) Semua permohonan Kad Layak oleh Pemegang Prinsipal NTC melalui saluran seperti dinyatakan dalam Fasal 1 di atas semasa Tempoh Kempen adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **30 April 2021 (“Pemegang Kad Layak”)**.

KAEDAH KEMPEN

5. Dengan syarat Fasal 4 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak berhak menikmati tawaran berikut:

Pulangan Tunai Daftar Pengebilan-Auto (“Pulangan Tunai Pengebilan-Auto”)

- (i) Pemegang Kad Layak yang mendaftar minimum satu (1) transaksi Pengebilan-Auto (seperti mana ditakrif menurut Fasal 6 di bawah) berapa pun amaunnya dengan Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menerima Pulangan Tunai Pengebilan-Auto.
- (ii) Setiap transaksi Pengebilan-Auto yang didaftarkan mestilah dicaj minimum dua (2) bulan berturut-turut dengan Kad Layak dan dicatatkan dalam akaun Pemegang Kad Layak seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Bulan Kelulusan Kad Layak	Garis Masa Daftar Transaksi Pengebilan-Auto	Belanja Pengebilan-Auto Bulan Pertama (transaksi berulang pertama)	Belanja Pengebilan Bulan Ke-2 (transaksi berulang ke-2)
1 - 31 Jan 2021	Daftar sebelum/pada 31 Mac 2021	Belanja sebelum/pada 30 Apr 2021	Belanja sebelum/pada 31 Mei 2021
1 – 28 Feb 2021	Daftar sebelum/pada 30 Apr 2021	Belanja sebelum/pada 31 Mei 2021	Belanja sebelum/pada 30 Jun 2021
1 – 31 Mac 2021	Daftar sebelum/pada 31 Mei 2021	Belanja sebelum/pada 30 Jun 2021	Belanja s sebelum/pada 31 Julai 2021
1 – 30 Apr 2021	Daftar sebelum/pada 30 Jun 2021	Belanja sebelum/pada 31 Julai 2021	Belanja sebelum/pada 31 Ogos 2021

- (iii) Setiap Pemegang Kad Layak berhak menerima Pulangan Tunai Pengebilan-Auto sehingga Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350) berdasarkan bilangan biller yang berjaya didaftarkan dan dicaj dengan Kad Layak seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Bil. Pengebil	1x	2x	3x	4x	5x
Pulangan Tunai	RM50	RM100	RM200	RM250	RM350

- (iv) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai Pengebilan-Auto dihadkan setakat Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (v) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat seperti dinyatakan di atas (“Pemenang”), Pulangan Tunai Pengebilan-Auto akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang menurut Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai Pengebilan-Auto

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pemenuhan Kempen
Januari 2021	Sebelum/pada 30 Jun 2021
Februari 2021	Sebelum/pada 31 Julai 2021
Mac 2021	Sebelum/pada 31 Ogos 2021
April 2021	Sebelum/pada 30 September 2021

- (vi) Pemegang Kad akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang (iaitu nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan sama dengan Bulan Pemenuhan Kempen.
- (vii) Sekiranya Pulangan Tunai Pengebilan-Auto tidak diterima, Pemenang hendaklah memberitahu HLB melalui Pusat Hubungan Hong Leong di +603-7626 8899 selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Kempen, jika tidak Pemenang akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai Pengebilan-Auto itu.
- (viii) HLB tidak berkewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Prinsipal NTC sekiranya Pulangan Tunai Pengebilan-Auto telah mencecah peruntukan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
6. Transaksi Pengebilan-Auto bermaksud transaksi berulang bulanan yang berdaftar dengan rakan kongsi Pengebilan-Auto (contoh, Maxis, Digi, Celcom, Netflix, Astro, Spotify dll.) yang telah berjaya dicaj kepada Kad-kad Layak, tetapi transaksi Pengebilan-Auto tidak termasuk transaksi JomPay.

TERMA & SYARAT AM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Prinsipal NTC:
- (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S yang tertakluk di ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
 - (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pulangan Tunai Pengebilan-Auto tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan membuat susulan dengan HLB jika mereka telah didaftar untuk kelayakan menerima Pulangan Tunai Pengebilan-Auto;
 - (vi) keizinan bagi HLB mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung), amaun Pulangan Tunai Pengebilan-Auto dan/atau foto mereka di Laman Web HLB;
 - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, iaitu M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) jika HLB fikir wajar bagi tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju untuk memastikan semua Kad Layak diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat pemberian Pulangan Tunai Pengebilan-Auto. Bagi mengelakkan keraguan, jika Pemenang mempunyai lebih daripada 1 Kad Layak, Pulangan Tunai Pengebilan-Auto akan dikreditkan kepada Kad Layak yang mempunyai bilangan transaksi yang terbanyak.
8. HLB berhak:
- (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai Pengebilan-Auto jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pulangan Tunai Pengebilan-Auto atau keingkaran T&S di dalam ini;
 - (ii) menggantikan Pulangan Tunai Pengebilan-Auto di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC;
 - (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini; dan

menolak kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pulangan Tunai Pengebilan-Auto yang telah melakukan transaksi Pengebilan-Auto tidak mengikut pengertian T&S ini, dengan cara atau gaya yang menurut HLB adalah luar biasa, luar aturan dan/atau menunjukkan suatu percubaan untuk meraih faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.

9. HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak sehingga boleh menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
10. Selain terma-terma yang ditetapkan di atas ini, Pemegang Kad Prinsipal NTC bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan.
11. Sebarang percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
13. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak NTC bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.